



RIWAYAT BAHARU DI INDONESIA



Gambar-gambar yang kita hidangkan di sini ialah gambar-gambar yang telah diambil pada 15 Ogos 1950 iaitu sesudah tamat persidangan di antara Jemaah-jemaah Menteri Indonesia Syarikat dan Republik Indonesia yang telah diadakan selama dua hari di Jakarta kerana menubuhkan negara persatuan yang bermakna bahawa pemerintahan di Indonesia hanya satu pemerintahan jua. Gambar-gambar ini disiarkan dengan ihsan Jabatan Penerangan Republik Indonesia di Singapura.

Kanan: Presiden Sukarno bersama-sama dengan Perdana Menteri Republik Indonesia, Tuan Halim sedang bercakap-cakap yang nampaknya merundingkan masalah yang sulit.




Persidangan yang telah membawa persetujuan di antara dua pemerintahan yang telah diadakan pada 15.8.50 di pejabat Menteri Luar di Jakarta.

SETELAH 5 TAHUN MERDEKA



Presiden Sukarno, Dr Abu Hanifah (Menteri Pelajaran RIS), Wayuwahu (Menteri Penerangan Republik Indonesia) dengan keadaan yang gembira dan bersuka cita sedang bercakap-cakap tentang negara persatuan itu.



Sudah tamat persidangan yang berjaya itu selama dua hari maka disudahi dengan jamuan makan di Istana Merdeka di Jakarta.